

PM arah kementerian, jabatan anjur majlis ilmu

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua kementerian dan jabatan kerajaan menganjurkan majlis ilmu di pejabat masing-masing bagi menghidupkan semangat Ramadan.

Berucap pada program Ihya' Ramadan di Masjid Putra di sini, semalam, Anwar berkata beliau mengarahkan semua ketua setiausaha (KSU) dan ketua jabatan untuk melaksanakan program ilmu seperti takzilah sebelum solat Zuhur.

Beliau berkata, semua menteri dan timbalan menteri beragama Islam diminta untuk menyertai program ilmu yang dianjurkan oleh kementerian dan jabatan.

"Usul saya kepada jentera seluruh negara untuk beri makna kepada Ramadan ini dengan menambah usaha menghidupkan, menyegarkan bulan Ramadan seperti mengadakan majlis (ilmu)," kata beliau yang akan menyertai program ilmu di Ke-

menterian Kewangan, semalam.

Anwar berkata, beliau juga meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar supaya menyenaraikan penceramah Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) bagi menyertai majlis ilmu di kementerian dan jabatan.

"Jangan ada penyimpangan dalam (majlis ilmu itu) kerana semangat Ramadan bukan untuk mencerca atau bawa sentimen parti sebaliknya perlu bawa semangat penyatuan Ramadan," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata setiap kementerian dan jabatan bebas menentukan bentuk dan penceramah pada majlis ilmu yang akan diadakan di pejabat masing-masing itu.

Pada majlis itu, Anwar menyertai lebih 1,000 jemaah di Masjid Putra di sini menunaikan Zuhur dan mendengar takzilah yang disampaikan Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Luqman Abdullah. BERNAMA